



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

YB TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR I

PERUNTUKAN RM 5.86 JUTA TINGKAT PRODUKTIVITI

GETAH DI JOHOR

SEGAMAT, 10 Mac – RISDA memperuntukkan sejumlah RM 5.86 juta bagi meningkatkan produktiviti getah menerusi Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG) Di Bawah Program Skim Getah Matang dan Program Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Luruhan Daun (LDP) “Pestalotiopsis” bagi Negeri Johor.

Menurut Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar Dato’ Sri Abdul Rahman Mohamad berkata, menerusi peruntukan SPIG tersebut, sebanyak RM 1.06 juta diperuntukkan untuk 931 orang pekebun kecil RISDA di daerah Segamat.

“Skim ini dilaksanakan bagi memastikan matlamat untuk meningkatkan produktiviti getah ke arah penghasilan 1,800kg perhektar setahun dapat dicapai seterusnya dapat memberi pulangan yang lebih baik kepada pekebun kecil RISDA. Dengan penghasilan getah pada kadar ini, ia akan memberikan pendapatan purata kepada daripada hasil kebun sekurang-kurangnya RM 1,500 sebulan.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada majlis penyampaian bantuan pekebun kecil RISDA daerah Segamat.

Tambah Rahman, SIPG diwujudkan bagi mendukung hasrat kerajaan melalui RISDA bagi memastikan masyarakat pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM 4,500 menjelang tahun 2025.

Mengenai Program Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Luruhan Daun (LDP) "Pestalotiopsis" pula jelas Rahman, RISDA telah memperuntukan sebanyak RM 1.29 juta kepada pekebun kecil di Negeri Johor dengan daerah Segamat mendapat peruntukan tertinggi sebanyak RM 590,000 bagi membantu masyarakat pekebun kecil yang terjejas.

Rahman turut mengesyorkan agar mana-mana pekebun kecil RISDA yang memerlukan mana-mana bantuan yang disediakan boleh hadir ke mana-mana Pajabat RISDA berhampiran untuk khidmat nasihat.

**-TAMAT-**

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**YB. DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN HJ MOHAMAD  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (I)  
10 MAC 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](#)



[kplb\\_gov](#)



[KPLB\\_GOV Official](#)